BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN : 01/04/57 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1900 pada hari Rabu, 28 Januari 2004

Maklumat Utama Bagi Siaran Akhbar Disember 2003

Petunjuk monetari dan kewangan mencerminkan aktiviti sektor swasta yang lebih kukuh

Sentimen perniagaan dan pengguna yang lebih baik serta kadar faedah yang rendah telah menyumbang kepada aktiviti sektor swasta yang lebih kukuh. Pada bulan Disember, kesemua penunjuk pinjaman adalah lebih kukuh berbanding dengan bulan sebelumnya. Aktiviti peminjaman perbankan yang kukuh telah dicerminkan oleh peningkatan dalam permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan dan sektor isirumah pada bulan ini. Terutamanya, permohonan pinjaman telah meningkat dengan nyata sebanyak 38.2% pada bulan Disember. Pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada bulan ini, iaitu sebanyak RM1 bilion. Dari segi pertumbuhan tahunan, pinjaman kepada PKS mencecah rekod tertinggi sebanyak 10%.

Bagi keseluruhan tahun, pembiayaan yang lebih tinggi oleh sistem perbankan telah membantu mengukuhkan pertumbuhan ekonomi, terutamanya dalam meningkatkan aktiviti sektor PKS dan sektor isirumah. Pinjaman PKS terkumpul meningkat dengan nyata sebanyak RM7.4 bilion pada tahun 2003, mencakupi sebanyak 17.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan 38.3% daripada jumlah terkumpul pinjaman kepada perniagaan pada akhir tahun 2003 (masing-masing sebanyak 16.5% dan 34.1% pada akhir tahun 2002).

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN : 01/04/57 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1900 pada hari Rabu, 28 Januari 2004

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN DISEMBER 2003

Petunjuk monetari dan kewangan mencerminkan aktiviti sektor swasta yang lebih kukuh

Sentimen perniagaan dan pengguna yang lebih baik serta kadar faedah yang rendah telah menyumbang kepada aktiviti sektor swasta yang lebih kukuh. Pada bulan Disember, kesemua penunjuk pinjaman adalah lebih kukuh berbanding dengan bulan sebelumnya. Aktiviti peminjaman perbankan yang kukuh telah dicerminkan oleh peningkatan dalam permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan dan sektor isirumah pada bulan ini. Terutamanya, permohonan pinjaman telah meningkat dengan nyata sebanyak 38.2% pada bulan Disember. Pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada bulan ini, iaitu sebanyak RM1 bilion. Dari segi pertumbuhan tahunan, pinjaman kepada PKS mencecah rekod tertinggi sebanyak 10%.

Bagi keseluruhan tahun, pembiayaan yang lebih tinggi oleh sistem perbankan telah membantu mengukuhkan pertumbuhan ekonomi, terutamanya dalam meningkatkan aktiviti sektor PKS dan sektor isirumah. Pinjaman PKS terkumpul meningkat dengan nyata sebanyak RM7.4 bilion pada tahun 2003, mencakupi sebanyak 17.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan 38.3% daripada jumlah terkumpul pinjaman kepada perniagaan pada akhir tahun 2003 (masing-masing sebanyak 16.5% dan 34.1% pada akhir tahun 2002).

Kadar faedah kekal rendah dan stabil

Kadar pasaran wang antara bank kekal rendah dan stabil pada bulan ini. Operasi mudah tunai BNM telah menstabilkan kesan ke atas keadaan mudah tunai daripada pengeluaran deposit Kerajaan daripada BNM.



Kadar pasaran wang antara bank kekal rendah dan stabil



Operasi pasaran wang BNM telah menstabilkan kesan pengembangan daripada operasi kerajaan



Nisbah pinjaman-deposit, termasuk sekuriti hutang swasta yang dipegang oleh sistem perbankan, kekal tinggi pada 91.4%

Pada bulan Disember, **kadar purata pinjaman (ALR)** bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal stabil, masing-masing pada 6.11% dan 9.11% (akhir-November: 6.12% dan 9.12%). Secara keseluruhannya, pada tahun ini, ALR berada pada paras terendah dalam sejarah, menurun sebanyak 0.4 mata asas bagi bank perdagangan dan 0.64 mata asas bagi syarikat kewangan berbanding paras pada akhir tahun 2002. **Kadar purata berian pinjaman asas (BLR)** bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan juga kekal tidak berubah.

Kadar Faedah Berian Pinjaman:
Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan
(purata pada bulan)



BLR kekal tidak berubah, manakala ALR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan stabil

Pada 15 Januari 2004, kadar deposit tetap bagi tempoh matang 1-12 bulan bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah, masing-masing pada 3 - 3.70% dan 3 - 3.68%.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Nov 03	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
Dis 03	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
15 Jan 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70

Kadar deposit tetap bagi bank perdagangan kekal tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Syarikat Kewangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Nov 03	3.00	3.00	3.02	3.05	3.68
Dis 03	3.00	3.00	3.02	3.05	3.68
15 Jan 04	3.00	3.00	3.02	3.05	3.68

...begitu juga dengan syarikat kewangan



Kadar faedah benar bagi deposit tetap 3-bulan kekal tidak berubah

Prestasi ringgit

Pada bulan Disember, ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa. Nilai ringgit menyusut berbanding euro sebanyak 5.2%, paun sterling sebanyak 3.8% dan yen Jepun sebanyak 2.3%. Nilai dolar AS telah dipengaruhi oleh jangkaan pasaran bahawa kadar faedah AS akan kekal rendah bagi jangka masa yang agak panjang. Oleh sebab itu, kemasukan modal daripada luar negara merosot seterusnya mengakibatkan dolar menjadi lebih lemah. Gabungan faktor-faktor yang negatif terhadap dolar menyebabkan mata wang AS menyusut nilai berbanding euro pada penghujung bulan.



Nilai ringgit menyusut berbanding matawang utama pada bulan Disember

Ringgit menyusut nilai pada kadar yang lebih sederhana berbanding mata wang serantau. Ringgit menyusut nilai berbanding dolar Singapura sebanyak 1.5%, baht Thai sebanyak 0.8%, won Korea sebanyak 0.7%, peso Filipina sebanyak 0.4% dan rupiah Indonesia sebanyak 0.4%.



Nilai ringgit menyusut berbanding matawang serantau pada bulan Disember

Sepanjang tempoh **1 – 27 Januari 2004**, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama. Mata wang utama menjadi semakin tidak menentu. Kebimbangan yang dinyatakan oleh pegawai Bank Pusat Eropah dan ahli politik kawasan euro serta berita ekonomi AS yang positif telah mengubah tren menurun dolar AS berbanding euro. Dolar mengakhiri tempoh tersebut lebih kukuh berbanding euro dan yen, tetapi lebih lemah berbanding sterling. Namun, tren tersebut tidak kekal dan kemudiannya kembali berubah. Selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama. Nilai ringgit menjadi kukuh berbanding euro sebanyak 0.9% sementara menyusut nilai berbanding paun sterling sebanyak 1.8% dan yen Jepun sebanyak 0.7%. Prestasi ringgit juga bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Nilai ringgit menjadi semakin kukuh berbanding peso Filipina (0.5%) sementara menyusut nilai berbanding mata wang serantau yang lain dalam lingkungan 0.2% - 1.5%.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Dis. 2003	27 Januari 2004	% Perubahan			
				Disember 2003	Akhir Dis.2003 - 27 Jan. 2004	Akhir-2002 - 27 Jan. 2004	2 Sep. 1998 - 27 Jan. 2004
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.7783	4.7361	-5.2	0.9	-15.9	-
Paun sterling	6.3708	6.7678	6.8938	-3.8	-1.8	-11.6	-7.6
100 yen Jepun	2.7742	3.5546	3.5800	-2.3	-0.7	-10.6	-22.5
Dolar Singapura	2.1998	2.2342	2.2395	-1.5	-0.2	-2.3	-1.8
100 baht Thai	9.3713	9.5947	9.6815	-0.8	-0.9	-9.0	-3.2
100 peso Filipina	8.8302	6.8431	6.8113	-0.3	0.5	4.9	29.6
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0449	0.0450	-0.4	-0.2	-5.6	-21.3
100 won Korea	0.2827	0.318	0.3230	-0.7	-1.5	-1.0	-12.5

Inflasi kekal rendah pada bulan Disember

Kadar **inflasi** tahunan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP, 2000=100), **kekal rendah pada 1.2%** pada bulan Disember (November: 1.1%). Harga makanan yang tinggi berikutan permintaan yang tinggi semasa musim perayaan diimbangi oleh kenaikan harga yang rendah dan penurunan harga bagi produk-produk lain. Pada keseluruhan tahun 2003, inflasi meningkat secara sederhana kepada 1.2% (2002: 1.8%) dengan peningkatan yang lebih perlahan bagi harga pengangkutan dan perhubungan, pakaian dan kasut serta perabot, hiasan dan perkakas rumah, lebih daripada mengimbangi kenaikan dalam harga makanan, minuman dan tembakau.



Kadar inflasi kekal rendah pada 1.2% pada bulan Disember

Harga Pengeluar tinggi pada bulan November

Indeks Harga Pengeluar (IHP) meningkat, iaitu sebanyak 6.3% pada bulan November (Oktober: 6.1%). Ini menggambarkan harga tinggi bagi barangan berkaitan dengan komoditi sejajar dengan harga petroliam mentah, minyak sawit dan getah yang sememangnya tinggi. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHP terlaras meningkat sebanyak 0.9% sahaja.



IHP terlaras, tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, meningkat sebanyak 0.9%,

Pengembangan dalam bekalan wang terus kukuh

Pada bulan Disember, ketiga-tiga agregat monetari, terus meningkat pada kadar yang lebih kukuh seiring dengan aktiviti ekonomi yang terus meningkat. Peningkatan dalam agregat monetari mencerminkan operasi Kerajaan yang mengembang berikutan pembayaran yang lebih tinggi kepada kontraktor. Pada asas tahunan, pertumbuhan bagi ketiga-tiga agregat monetari, adalah lebih tinggi pada tahun 2003, dengan M1, M2 dan M3 meningkat masing-masing sebanyak 14.6%, 11.1% and 9.7% pada akhir bulan Disember (akhir Disember 2002: masing-masing sebanyak 10.3%, 5.8% and 6.7%).

Agregat monetari



Pertumbuhan bagi ketiga-tiga agregat monetari kekal kukuh pada paras yang tinggi.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2003			
	Oct	Nov	Dis	Jan - Dis
M3	5.3	7.6	1.2	19.8
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	1.2	3.2	4.0	6.1
Tuntutan ke atas sektor swasta	1.0	2.7	-0.2	8.0
Operasi luar bersih [1]	10.8	1.9	-1.8	16.2
Pengaruh lain	-7.7	-0.1	-0.8	-10.6

1/ sebelum penilaian semula

...mencerminkan operasi Kerajaan yang lebih tinggi

Deposit sistem perbankan terus meningkat pada bulan Disember

Jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat pada asas bulanan sebanyak RM3.8 bilion atau 0.7% pada bulan Disember. Peningkatan ini mencerminkan deposit yang lebih tinggi oleh individu, sejajar dengan peningkatan pendapatan berikutan pembayaran bonus pada akhir tahun. Pada asas tahunan, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 9.8% pada akhir bulan Disember (9.7% pada akhir bulan November).

Perubahan Bulanan dalam Deposit			(RM juta)
	2003		
	Oct.	Nov.	Dis.
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	103	1,031	-759
Kerajaan Negeri	-137	-254	217
Badan Berkanun[1/]	674	-269	932
Institusi Kewangan	367	-190	889
Perusahaan Perniagaan	3,149	4,220	-1,304
Individu	2,098	1,536	2,850
Lain-lain[2/]	667	-411	1,004
Jumlah	**6,920**	**5,664**	**3,830**

[1/] Termasuk Kerajaan tempatan.

[2/] Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing.

Individu merupakan penyimpan utama pada bulan Disember ...

Perubahan Bulanan dalam Deposit			(RM juta)
	2003		
	Oct.	Nov.	Dis.
Jenis			
Deposit tetap	1,305	-952	-2,750
NID	968	395	798
Deposit permintaan	2,293	1,002	3,008
Deposit tabungan	404	428	1,101
Perjanjian beli balik *(Repo)*	1,614	2,773	-335
Deposit mata wang asing	-461	36	1,152
Deposit SPI	702	1,996	194
Lain-lain	96	-14	660
Jumlah	**6,920**	**5,664**	**3,830**

.....dengan jumlah yang lebih tinggi yang disimpan dalam deposit permintaan, deposit tabungan dan deposit mata wang asing

Aktiviti berian pinjaman bank kekal tinggi pada bulan Disember

Dalam keadaan keyakinan pengguna dan sektor perniagaan yang bertambah baik, permintaan untuk pembiayaan daripada sektor perniagaan dan isi rumah terus meningkat pada bulan ini. Kesemua penunjuk pinjaman adalah lebih tinggi pada bulan Disember. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman masing-masing berjumlah RM19 bilion, RM12.7 bilion dan RM43.4 bilion, nyata lebih tinggi berbanding bulan November. Pada asas tahunan, permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman meningkat masing-masing sebanyak 22.9%, 38.2% dan 20.6%. Walaupun pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan lebih tinggi, pinjaman terkumpul menurun sebanyak RM1.4 bilion pada bulan Disember, sebahagiannya disebabkan oleh aktiviti pembiayaan semula yang lebih tinggi oleh sektor korporat melalui terbitan bon dan ekuiti baru. Walau bagaimanapun, pada

asas tahunan, pinjaman terkumpul terus meningkat pada kadar pertumbuhan yang mapan sebanyak 4.8%.

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)



Penunjuk pinjaman adalah lebih tinggi pada bulan Disember

Walaupun pinjaman terkumpul syarikat besar menurun memandangkan lebih banyak pembiayaan baru diperoleh daripada pasaran modal, permintaan untuk pinjaman bank daripada PKS terus kekal kukuh. Pinjaman terkumpul PKS terus meningkat sebanyak RM1 bilion pada bulan Disember atau pada kadar pertumbuhan tahunan yang mapan sebanyak 10% pada akhir bulan Disember. Pada tahun ini, sejumlah RM25.7 bilion telah diluluskan kepada 75,200 akaun PKS sementara RM87.1 bilion telah dikeluarkan. Pada akhir bulan Disember, pinjaman PKS mencakup bahagian yang lebih tinggi sebanyak 38.3% daripada pinjaman terkumpul sektor perniagaan dan 17.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir-2003.

Sementara itu, permintaan pinjaman daripada sektor isi rumah kekal kukuh dan terus berkembang sebanyak RM2 bilion. Ini mencerminkan permintaan yang mapan untuk membiayai pembelian rumah dan kereta penumpang serta kredit penggunaan, dalam keadaan prospek pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik.

Pinjaman Terkumpul Perusahaan Kecil dan Sederhana



Pinjaman terkumpul PKS terus meningkat pada kadar pertumbuhan yang kukuh

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pinjaman secara meluas lebih tinggi

Jumlah pembiayaan kasar sektor swasta oleh sistem perbankan dan dana yang diperoleh daripada pasaran modal berjumlah RM48.1 bilion (RM37.8 bilion pada bulan November). Jumlah pembiayaan bersih yang disalurkan oleh sistem perbankan melalui berian pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta meningkat pada kadar tahunan sebanyak 5.9% pada akhir bulan Disember (5.8% pada akhir bulan November). Nisbah pinjaman-deposit, termasuk sekuriti hutang swasta yang dipegang oleh sistem perbankan berada pada 91.4% pada akhir bulan Disember (92.2% pada akhir bulan November).



Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat pada kadar tahunan sebanyak 16.5%

Pada tahun 2003 secara keseluruhannya, permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman meningkat lebih tinggi berbanding tahun 2002, mencerminkan aktiviti ekonomi yang lebih kukuh pada tahun ini. Pembiayaan daripada pasaran bon juga meningkat pada tahun 2003, mencerminkan aktiviti mempelbagaikan sumber pembiayaan selain daripada sistem perbankan yang berterusan oleh syarikat yang besar. Secara keseluruhannya, jumlah pembiayaan kasar daripada sistem perbankan dan pasaran modal meningkat sebanyak 9% pada tahun 2003 (9.8% pada tahun 2002).

Dana lebih tinggi diperoleh oleh sektor swasta

Jumlah yang tinggi sebanyak RM3.8 bilion diperoleh oleh sektor swasta pada bulan Disember. Sektor swasta memperoleh RM2.7 bilion melalui pasaran sekuriti hutang swasta, terutamanya mencerminkan aktiviti pembiayaan semula oleh syarikat, dan RM1.1 bilion melalui pasaran ekuiti, mencerminkan terutamanya terbitan hak. Secara bersih, sebanyak RM3.5 bilion diperoleh daripada pasaran modal pada bulan Disember.



1/ Dana bersih yang diperoleh dari pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Terbitan bersih yang lebih tinggi oleh sektor swasta

Prestasi **Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL)** ditutup bercampur-campur pada bulan Disember. Ketiadaan perkembangan baru dalam pasaran, berserta dengan kes SARS baru yang dilaporkan di China melembapkan sentimen pasaran serantau. Walau bagaimanapun, IK BSKL meningkat pada akhir bulan berikutan buruan tawaran ke atas saham dalam indeks komposit. Pada asas bulanan, peningkatan kecil dicatatkan dari segi prestasi IK BSKL dan modal pasaran. Aktiviti dagangan adalah lebih rendah seperti yang ditunjukkan di dalam penurunan purata urusniaga harian, mencerminkan musim perayaan. Pada akhir bulan Disember, IK BSKL ditutup kepada 793.94 mata (+1.9% sejak akhir bulan November). Modal pasaran lebih tinggi sebanyak RM640.28 bilion (+1.8% sejak akhir bulan November) dan purata urusniaga harian dalam tempoh tersebut sebanyak 505.80 juta unit.

Bagi tahun 2003 secara keseluruhannya, BSKL mencatatkan peningkatan besar dari segi harga dan aktiviti dagangan. Prospek yang lebih baik bagi ekonomi domestik, prestasi yang menurun dalam pasaran bon, dan juga langkah-langkah pasaran modal baik yang diperkenalkan oleh kerajaan, membantu meningkatkan sentimen pasaran, pada separuh kedua tahun 2003.



Prestasi BSKL seiring dengan pasaran serantau

Pada tiga minggu pertama bulan Januari 2004, IK BSKL lebih kukuh terhadap sentimen yang meningkat berikutan perlantikan Timbalan Perdana Menteri dan rombakan kabinet. Pada 16 Januari 2004, IK BSKL ditutup pada 817.3 (+2.9% sejak akhir bulan Disember). Modal pasaran lebih tinggi sebanyak RM659.6 bilion (+3.0% sejak akhir bulan November) dan purata urusniaga harian pada tempoh tersebut meningkat kepada 629.65 juta unit.

Rizab antarabangsa terus meningkat

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat pada bulan Disember kepada RM170.6 bilion atau ASS$44.9 bilion pada at 31 Disember 2003, disokong oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang terus berkekalan dan pelaburan langsung asing. Paras rizab pada akhir bulan Disember 2003 telah mengambil kira pelarasan sukuan yang menghasilkan keuntungan penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasi berjumlah sebanyak AS$1.8 bilion. Rizab meningkat lagi kepada RM173.5 bilion atau AS$45.7 bilion pada 15 Januari 2004. Peningkatan ini mencerminkan terutamanya pembawaan pulang perolehan eksport yang lebih tinggi, pelaburan langsung asing dan aliran masuk dana portfolio yang lebih besar. Aliran keluar pada separuh bulan pertama Januari disebabkan terutamanya oleh pembayaran import barangan dan perkhidmatan dan pembayaran balik hutang luar negara. Paras rizab ini adalah memadai untuk membiayai 6.6 bulan import tertangguh dan adalah 4.5 kali hutang luar negara jangka pendek.

Berbanding akhir 2002, rizab antarabangsa telah meningkat dengan ketara sebanyak RM39.2 bilion atau AS$10.3 bilion. Aliran masuk daripada pembawaan pulang perolehan eksport adalah lebih besar, manakala aliran masuk pelaburan langsung asing dan dana portfolio telah dikekalkan. Aliran keluar pada 2003 mencerminkan pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi, penghantaran pulang hasil keuntungan dan dividen serta pembayaran balik hutang luar negara oleh sektor awam dan swasta.



Rizab antarabangsa meningkat pada bulan Disember, disokong oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang terus berkekalan dan pelaburan langsung asing.

Kedudukan modal kekal pada tahap yang tinggi

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) sistem perbankan kekal pada tahap 13.4% pada akhir bulan Disember 2003. Peningkatan sebanyak RM2.3 bilion

(+0.4%) dalam aset berwajaran risiko telah disokong oleh kenaikan yang sama dalam modal asas berikutan suntikan modal oleh beberapa institusi perbankan. Walaupun pinjaman baru yang diklasifikasikan tidak berbayar (NPL) menurun dalam bulan Disember, NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6-bulan meningkat sedikit sebanyak 1.4% untuk merangkumi 6.9% daripada jumlah pinjaman bersih pada akhir bulan Disember 2003 disebabkan penangguhan skim penyusunan semula pinjaman oleh beberapa buah syarikat.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan*

	1998	1999	2000	2001	2002	2003		
	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Okt.	Nov.	Dis.
Modal (%)								
Nisbah modal teras	8.7	10.1	10.7	11.1	11.1	10.7	10.8	10.7
RWCR	11.8	12.5	12.5	13.0	13.2	13.3	13.4	13.4
NPL Bersih (Klasifikasi 6-bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.1	7.5	6.6	6.8	6.9
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,775	31,703	29,506	30,428	30,858
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.9	1.8

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*



....RWCR kekal pada tahap 13.4%



....Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6 bulan) stabilk pada kadar 6.9%

Bank Negara Malaysia
28 Januari 2004

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	November 2003		Disember 2003		2003	
	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan
	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari						
Wang rizab	47.7	9.5	45.5	6.9	45.5	6.9
M1	99.7	13.3	102.1	14.6	102.1	14.6
M2	423.5	10.8	426.0	11.1	426.0	11.1
M3	548.4	10.0	549.5	9.7	549.5	9.7
Sistem Perbankan						
Jumlah deposit	550.0	9.7	553.8	9.8	553.8	9.8
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)	475.4	4.8	474.0	4.8	474.0	4.8
Nisbah pinjaman-deposit (%)	81.7		80.9		80.9	
Nisbah pinjaman-deposit termasuk hutang sekuriti swasta (%)	92.2		91.4		91.4	
Pinjaman yg dipohon pada tempoh berkenaan	17.3	3.1	19.0	22.9	227.6	4.8
Pinjaman yg diluluskan pada tempoh berkenaan	11.3	11.1	14.2	38.2	152.7	11.0
Pinjaman yg dikeluarkan pada tempoh berkenaan	35.7	6.4	43.4	20.6	441.7	7.3
Pinjaman yang dibayar pada tempoh berkenaan	35.8	8.7	45.7	27.2	430.5	6.9
Keadaan Sistem Perbankan						
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	13.4		13.4		13.4	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	6.8		6.9		6.9	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)						
Rizab dalam RM (bilion)	167.0		170.6		170.6	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	44.0		44.9		44.9	
Bilangan bulan import tertangguh	7.0		7.1		7.1	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]						
Antrabank: 1-bulan	2.99[2.99]		2.99[2.99]		2.99[2.99]	
3-bulan	2.87[2.87]		2.87[2.94]		2.87[2.94]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.00[3.00]		3.00[3.00]		3.00[3.00]	
3-bulan	3.00[3.00]		3.00[3.00]		3.00[3.00]	
BLR bank perdagangan	6.00[6.00]		6.00[6.00]		6.00[6.00]	
Harga						
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	104.7	1.1	105.0	1.2	105.0	1.2
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	143.1	6.3				
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)						
Euro	4.5290		4.7783		4.7783	
Paun Sterling	6.5138		6.7678		6.7678	
Dolar Singapura	2.2016		2.2342		2.2342	
100 Yen Jepun	3.4717		3.5546		3.5546	
100 Baht Thai	9.5190		9.5947		9.5947	
100 Peso Filipina	6.8192		6.8431		6.8431	
100 Rupiah Indonesia	0.0447		0.0449		0.0449	
100 Won Korea	0.3157		0.3180		0.3180	
Pasaran Modal						
Dana bersih yang diperoleh:						
sektor awam (RM b)	2.8		-0.2		24.7	
sektor swasta (RM bilion)	1.7		3.8		40.1	
Indeks Komposit BSKL (akhir tempoh)	779.28		793.94		793.94	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	629.19		640.52		640.52	